



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

*Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, 50782 Kuala Lumpur
Tel: 03-20944702; Fax: 03-20956523; Emel: pro@kpkt.gov.my.*

-SIARAN AKHBAR-

**TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS PENAMPALAN
IKLAN-IKLAN HARAM**

Penampalan iklan-iklan haram secara berleluasa di merata-rata tempat awam seperti tiang lampu, pondok telefon, pokok teduhan, dinding bangunan, tiang LRT dan tempat menunggu bas bukan sahaja mengotorkan dan menjejaskan imej bandar malah menimbulkan gangguan awam seperti menutup papan tanda jalan. Orang ramai juga mungkin terpedaya dan tertipu dengan iklan-iklan haram tersebut. Malah iklan haram ini digunakan oleh individu ataupun pihak tertentu untuk menawarkan perkhidmatan yang kurang sihat. Meskipun tindakan penguatkuasaan telah diambil secara berterusan melalui undang-undang sedia ada seperti Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400), Undang-Undang Kecil Iklan dan Undang-Undang Kecil Vandalisme namun masalah ini terus berleluasa.

Bagi memastikan penguatkuasaan dilakukan dengan lebih berkesan, tindakan yang lebih tegas akan diambil di mana pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan membatalkan nombor telefon yang dipaparkan dalam iklan haram tersebut. Bagi tempoh bulan Mei sehingga Julai 2009, sebanyak **1,705** nombor telefon

pada iklan haram telah dikumpul oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan dikemukakan kepada pihak SKMM bagi tujuan pembatalan.

Pihak SKMM juga akan membantu PBT mengenalpasti pihak yang melakukan kesalahan tersebut dengan menyediakan nama, alamat serta lain-lain butiran. Sebagai langkah seterusnya, pihak PBT boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak yang telah dikenalpasti tersebut. Kerjasama orang ramai amat diperlukan untuk melaporkan nombor telefon pada iklan haram kepada pihak PBT ataupun SKMM.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Di keluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my; Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat jessy@kpkt.gov.my.